



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN TERENGGANU

---

## PEKELILING TIMBALAN REKTOR (AKADEMIK)

---

Bilangan 5 Tahun 2018

### PENDAFTARAN PELAJAR PROGRAM PRA-DIPLOMA, DIPLOMA, SARJANA MUDA DAN SARJANA SEMESTER SEPTEMBER 2018 – JANUARI 2019

#### TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memberi peringatan berhubung pendaftaran pelajar (Kumpulan B / Pra-Diploma, Diploma, Sarjana Muda dan Sarjana) Semester September 2018 – Januari 2019 di Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu.
2. Pekeliling ini juga adalah sebagai pemakluman kepada pelajar bahawa **kuliah bagi September 2018 - Januari 2019 akan bermula pada 2 September 2018**. Sehubungan itu, adalah menjadi **tanggungjawab pelajar** untuk melakukan perkara-perkara berikut **sebelum kuliah bermula**:
  - (a) Membayar yuran pengajian.
  - (b) Membuat pendaftaran kursus secara *online* (mendaftar kumpulan dan kursus) dengan melayari laman web ***i-student portal***.
  - (c) Mendaftar di kolej kediaman masing-masing  
Bagi pelajar *non resident* pula adalah dimestikan mendaftar di Pejabat Pengurusan Kolej Kawasan Pantai.
3. Para pelajar yang mempunyai **masalah kewangan untuk membayar yuran pengajian**, hendaklah:
  - (a) Merujuk kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar atau Unit Zakat bagi mendapatkan bantuan kewangan; **atau**
  - (b) **Mengisi Borang Permohonan Penangguhan Bayaran Yuran Pengajian** yang boleh didapati di HEA dan majukan kepada Timbalan Rektor (Akademik) UiTM Cawangan Terengganu untuk membayar yuran lewat daripada tarikh yang ditetapkan.
4. Seterusnya, para pelajar adalah diingatkan supaya **menghadiri kuliah sepertimana yang telah dijadualkan, iaitu bermula 2 September 2018**. Kegagalan menghadiri kuliah adalah suatu kesalahan dan boleh dikenakan tindakan tatatertib.

